

バハロム・モハマド バシル ハズマン ビン (マレーシア)

## 2023年 「伊勢」と日本スタディプログラム 最終レポート

私は、三週間、皇学館大学と伊勢市の「伊勢と日本スタディプログラム」というプログラムに参加し、様々な新しいことを学び、面白い活動を体験した。

まず、伊勢神宮は魅力的なところだと感じている。伊勢神宮の「式年遷宮」という活動は美しい伝統だ。こういうやりかたを通して、神宮の歴史や精神を永遠まで不朽にすることができると思う。20年間に一回神宮の内宮と外宮を建て替え、そのプロセスに一般人も参加できる。

さらに、伊勢神宮以外の様々な伊勢市の魅力を学ぶことができたため、すべての見学を楽しんだ。その中で、斎王と斎宮の歴史がとても面白かった。斎宮歴史博物館へ行き、斎王と斎宮の歴史を学んだ。斎王は天皇に選ばれた一人の姫であり、彼女は天照大神を崇拝していたので、京から移動し、一生斎宮に住んでいた。この伝統は飛鳥時代前に始まった。「伊勢物語」の中でも、非常に賢い歌人の在原業平は斎王と情事があったと書かれている。

また、神道の観念を他の言語へ翻訳するのはチャレンジであると感じる。たとえば、よく考えると、「神」と「神社」という観念は他の言語への翻訳が難しい。言語と文化を通して、その一つ一つの観念は、日本人にとっては昔から日常の状態であり普通なことだからだ。しかし、その観念と他の宗教や文化の相違は大きい。翻訳する時はその概念を明らかにして説明するべきだと思う。

その他、私たちは和歌山県の熊野三山へ参拝に行った。熊野三山は、昔から神道と仏教の聖地であり、巡礼の人々は山頂にある大社へ参拝に行く。なお、那智山の那智の滝も非常にきれいな観光地である。那智の滝は日本の最も高い滝であり、雰囲気素晴らしく、空気もおいしかった。

最後に、伊勢は非常に魅力的なところである。日本の長い歴史をよく感じられる。古代から時間を経て、「伊勢」というところが「日本人の心のふるさと」になってきたのである。

Mohamad Basil Hazman Bin Baharom(Malaysia)

Sepanjang tiga minggu ini, saya telah menyertai “Ise and Japan Study Program” anjuran Universiti Kogakkan dan Bandar Ise. Terlalu banyak perkara baru yang telah saya pelajari, bahkan banyak aktiviti menarik yang dapat saya rasai pengalamannya. Saya menulis laporan ini untuk berkongsi secara umum perasaan saya secara keseluruhannya setelah menyertai program ini.

Pertama, saya benar-benar merasa bahawa Ise Jingu ialah tempat yang menakjubkan. Terdapat satu tradisi Ise Jingu, iaitu “Shikinen Sengu” yang saya rasakan begitu indah. Dengan cara ini, saya fikir sejarah serta semangat Ise Jingu itu sendiri dapat diabadikan untuk selamanya. Setiap 20 tahun sekali, kawasan Biara Luar (“Geku”) dan Biara Dalam (“Naiku”) itu akan dibina semula, dan dalam proses ini, anggota masyarakat pun secara umumnya dapat menyertai dan merasai pengalamannya.

Selain Ise Jingu, saya juga telah mempelajari pelbagai pesona lain di Bandar Ise, dan saya sungguh-sungguh menikmati keberadaan saya di sini. Contohnya, sejarah Saiku dan Saio merupakan rentetan sejarah yang benar-benar menarik. Ketika kami melawat Muzium Sejarah Saiku, ketika itulah kami belajar tentang sejarah Saiku dan Saio. Saio ialah seorang puteri maharaja yang telah dipilih untuk tinggal di Ise bagi menyembah Amaterasu. Justeru, baginda akan dibawa berangkat dari istana untuk tinggal di Saiku di Ise sepanjang hidupnya. Amalan ini telah bermula lama, sebelum zaman Asuka lagi. Menariknya, dalam karya “Ise Monogatari” juga, seorang penyair yang luar biasa pintar, Ariwara no Narihira dikatakan pernah berhubung cinta dengan salah seorang Saio.

Tetapi, terdapat cabaran dalam menterjemah konsep-konsep Shinto ke dalam bahasa lain. Contohnya, jika difikirkan dengan teliti, konsep seperti “kami” dan “jinja” itu sukar diterjemah ke dalam bahasa lain. Bagi orang Jepun, disebabkan konsep-konsep ini telah digunapakai sejak sekian lama dalam budaya dan bahasa mereka, ia telah menjadi hal yang biasa. Namun, terdapat perbezaan besar antara idea-idea tersebut dengan konsep-konsep yang wujud dalam agama serta kebudayaan lain. Justeru, saya fikir bahawa usaha menterjemah konsep-konsep tersebut perlu memasukkan juga penjelasan tentang konteks istilah-istilah tersebut.

Selain itu, kami juga melawat Kumano Sanzan yang terletak di negeri Wakayama. Kumano Sanzan ialah tempat ibadat Shinto dan Buddha yang telah wujud sejak sekian lama, dan sehingga kini, mereka yang ingin beribadat tidak putus-putus datang menziarahi tiga biara Shinto dan kuil Buddha di puncak-puncak gunung ini. Malah, di Gunung Nachi, ada Air Terjun Nachi yang merupakan tempat pelancongan yang amat

cantik. Ia merupakan air terjun tertinggi di Jepun. Suasana sekitar kawasan itu sungguh mempesonakan, dengan udaranya yang segar sekali.

Akhir sekali, kawasan sekitar Ise ini merupakan tempat yang amat indah lagi menarik. Dalam sorotan panjang sejarah Jepun, banyak sekali jejak-jejak yang boleh dilihat di Ise. Begitulah, seiring aliran waktu, tempat yang bernama Ise ini telah pun terpahat sebagai “ranah jiwa orang-orang Jepun.”